


Pujaan Hati Kanda



Normal Price: RM24.00
RM21.00

Rating: Not Rated Yet

Price

Price with discount: 24,00 RM

RM : 24,00 RM

Sales price without tax: 27,00 RM

Diskaun: -3,00 RM

Tax amount:

[Ask a question about this product](#)

Description

Lelaki mata keranjang? Gelaran itu pernah tergalas di bahunya. Dan kerana kejahatan masa silam, dia terhukum dan termalu sendiri. Siapa sangka, ketika dia sudah insaf dan mahu membina kehidupan baru, dirinya dihidangkan dengan dugaan yang paling besar.

Anak ini perlukan ayahnya. Saya serahkan kepada yang berhak. Peliharalah anak ini dengan penuh kasih dan sayang. Selamat pengantin baru. - Gadis Misteri

Hadiah yang tidak terduga itu hadir meranapkan mahligai yang ingin dibina. Majlis pernikahan yang bakal berlangsung, akhirnya terhenti tanpa ijab dan kabul. Calon isterinya enggan meneruskan perkahwinan selagi misteri kehadiran bayi kecil itu tidak terungkai. Dengan tanggungjawab sebagai 'bapa segera', Danny terpaksa mencari pengasuh yang sudi menjaga si kecil itu pagi dan petang, siang dan juga malam. Dan pencariannya berakhir apabila dipertemukan dengan Tiara. Seorang pelajar universiti yang kesempatan wang ringgit.

"Tiara pesan susu, Pampers dengan puting susu aje, bang. Ni berat semacam aje. Abang beli stok untuk berapa bulan?"- Tiara

Semuanya berjalan lancar sehinggalah Tiara tamat pengajian semester akhir dan akan pulang ke kampung halaman. Hendak atau tidak, dia sudah tiada pilihan. Status palsu sebagai duda kematian isteri, terpaksa diakui demi meraih simpati keluarga kepada pengasuh 'anak

segeranya' itu agar membenarkan Tiara terus mengasuh.

"Masalahnya aku tak kenal siapa gadis misteri tu? Macam mana aku nak cari dan settlekan masalah ni?" - Danny

Sementara itu pula, dia sudah berjanji untuk meneruskan misi menjejak gadis misteri yang menyusahkan hidupnya itu dengan apa cara sekalipun sekali gus membongkar misteri yang membelenggu hidupnya.

Jika dahulu dia digelar lelaki mata keranjang bergred A+, dikejar dan dipuja ramai gadis. Kini, pesonanya masih hebat. Dia kembali dikejar tiga gadis, Tiara, calon isteri dan juga gadis misteri. Ketiga-tiganya punya karakter dan sikap yang berbeza. Namun ketiga-tiga juga punya alasan kuat untuk mengikat dirinya dengan ikatan perkahwinan. Hendak atau tidak, dia terpaksa memilih antara rasa simpati, tanggungjawab dan juga cinta. Kini manakah menjadi keutamaan seorang lelaki yang kini sudah kembali ke pangkal jalan?

Reviews

There are yet no reviews for this product.